

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan anggaran kos pengurusan sisa nuklear (*nuclear waste disposal management*) dan bagaimanakah Kerajaan akan membayar kos pengurusan ini. Bolehkah Kementerian mengesahkan bahawa loji nuklear ini akan ditadbirkan oleh 1MDB.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kesemua aspek kos berkaitan dengan loji janakuasa nuklear sedang diteliti dalam Kajian Kemungkinan, atau, dengan izin, *Feasibility Study*, yang sedang dilaksanakan. Kajian Kemungkinan ini dijangka siap pada Disember 2014. Kos pengurusan sisa nuklear, atau, dengan izin, *nuclear waste management*, serta kos keseluruhan kitaran bahan api nuklear, atau, dengan izin, *nuclear fuel cycle*, juga termasuk dalam skop Kajian ini.

Mengikut amalan lazim di negara-negara yang menggunakan tenaga nuklear untuk penjanaan elektrik, kos pengurusan sisa radioaktif, termasuk sisa nuklear, adalah sebahagian daripada kos dalaman, atau, dengan izin, *internal cost*, bagi kos penjanaan elektrik oleh loji-loji janakuasa nuklear. Kos penyahtauliahahan, atau, dengan izin, *decommissioning cost*, bagi loji-loji janakuasa nuklear juga adalah sebahagian daripada kos dalaman ini.

Kajian Kemungkinan yang telah disebutkan juga merangkumi kajian mengenai pembiayaan projek loji janakuasa nuklear dan pemilikan loji berkenaan. Oleh itu, keputusan mengenai pemilikannya belum dibuat.

Sekian. Terima kasih.